

Sentuhan magis Dr Zul

Karisma dimiliki seekor kucing adalah tarikan buat manusia untuk membelanya dan karisma ini juga yang menyebabkan haiwan ini sangat menyeronok dan menarik untuk dipelihara.

Persekitaran selesa dan sempurna sangat bermakna buat kucing peliharaan dan haiwan ini juga memerlukan sentuhan mesra dan kasih sayang seorang doktor haiwan.

Pemanduan santai ke Seri Kembangan, Selangor membawa anda ke sebuah tempat yang menjadi rumah kedua kepada haiwan peliharaan ini. Anda akan terus melupakan rasa mengah mendaki tangga tinggi untuk sampai ke tempat itu sebaik kaki melangkah memasuki syurga kucing ini.

Kehadiran anda dan kucing kesayangan di tempat itu disambut mesra seorang atendan lelaki yang peramah dari arah meja beliau dengan diperhatikan seekor kucing Parsi berwarna perang yang duduk selesa di sebelahnya.

Beberapa ekor kucing duduk di satu sudut dan ada yang ber-

Dr Zul sebagai kucing jalanan kerana ia tidak diam di dalam rumah, menghidap jangkitan fungus yang biasa terjadi kepada haiwan peliharaan ini. Fungus menjangkiti telinga dan muka Putih.

Daripada cara beliau memegang Putih, Dr Zul menyatukan seni memegang haiwan peliharaan ketika beliau menuntut di Fakulti Perubatan Veterinar di UPM dan rasa kasihnya terhadap kucing.

“Segala-galanya daripada Allah,” kata Dr Zul. Pakar bedah haiwan berusia 31 tahun ini adalah graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan beliau berasal daripada sebuah keluarga yang sayangkan haiwan. Ibu bapa Dr Zul adalah peneroka Felda yang menetap di Jempol, Negeri Sembilan.

“Biasanya ia cinta pandang pertama bagi kucing yang baru melihat tuannya. Seolah-olah mereka dapat melihat aura istimewa yang ia tidak dapat tolak. Aura istimewa ini yang membolehkan anda menjinakkan kucing yang garang, insya-Allah (dengan izin Allah),” katanya.

Dr Zul tidak terus memulakan kerjaya sebagai pakar bedah

Zul memberi jaminan beliau beroperasi mengikut tatakelakuan sebenar veterineri.

Beliau bekerja dari rumah selama setahun setengah, melakukan rawatan asas, dengan kes kronik dirujukkan kepada UPM. Sehingga kini beliau masih bekerjasama dengan UPM.

Pada 2011, satu peluang datang menjengah. Dr Zul memulakan perniagaan dengan membuka Klinik Haiwan & Operasi Taman Equine di Seri Kembangan, dengan sebahagian dana dipinjamkan oleh abang ipar dan selebihnya daripada simpanan sendiri.

Dengan kerjasama UPM, kebanyakan kes besar dirujukkan kepada universiti itu, manakala UPM akan memberi kes kecil kepada klinik beliau.

Hari ini, Dr Zul dan tiga doktor lagi memberi perkhidmatan rawatan umum dan pembedahan. Melihat perkembangan perniagaannya, Dr Zul membuka sebuah cawangan iaitu Klinik Haiwan I-City Shah Alam, tahun lalu, menggunakan modal sendiri.

main sembunyi dan sembunyi di sebalik kabinet, sekali gus menandakan mereka sangat selesa di dalam persekitaran itu. Hanya ada sebuah sofa untuk pengunjung, namun biasanya tuan punya kucing yang datang duduk di atas lantai.

Pemilik kucing peliharaan yang datang ke Klinik Haiwan & Surgeri Taman Equine di Bandar Baru Permai, Seri Kembangan tidak akan terasa masa berlalu begitu cepat memandangkan mereka terhibur melihat keletah kucing di situ ketika menunggu giliran untuk bertemu doktor.

Klinik ini berpindah ke bangunan baru sejak 30 November lalu, yang terletak di belakang bangunan lama di mana klinik ini beroperasi sebelum ini.

Selamat berkenalan dengan Dr Zulkifli Nizam (Dr Zul) yang akan menunjukkan cara terbaik untuk menjaga kucing kesayangan anda.

Beliau yang juga pencinta kucing memulakan pemeriksaan dengan lafaz Bismillah (Dengan nama Allah) dan dengan lembut melakukan pemeriksaan ke atas Putih, kucing peliharaan penulis yang berbulu putih bak salju daripada baka Parsi Doll Face ketika kunjungan ke klinik berkenaan, baru-baru ini.

Putih yang berusia tiga tahun langsung tidak melawan, seolah-olah terpuakau dengan sentuhan magis Dr Zul.

Putih yang juga terserlah dengan sepasang mata berlainan warna - kiri berwarna biru dan kanan berwarna kuning - dulu adalah kucing peliharaan jiran penulis. Namun lama kelamaan ia menjadi pengunjung setia rumah penulis yang suka memberi makan kepada kucing di kawasan kejiranan beliau.

Putih yang dikategorikan oleh

haiwan selepas menamatkan pengajian pada 2007 dan melanjutkan pelajaran di United Kingdom, sebaliknya menumpukan perhatian terhadap perniagaan jual beli dan memproses farmaseutikal untuk haiwan herbivor.

Pada awalnya beliau mempelajari semua aspek sains veterineri, termasuk menjalani program membabitkan seorang mentor yang 12 tahun lebih berusia daripadanya, di bawah naungan UPM. Selama tiga hingga empat tahun, beliau memberi perkhidmatan rundingan farmaseutikal kepada klinik kerajaan.

“Namun naluri saya mengatakan saya mesti fokus kepada kucing,” kata Dr Zul yang membuktikan perniagaan klinik haiwannya masih terus bertahan sehingga kini.

Segala-galanya bermula apabila Dr Zul membawa seekor kucing kesayangannya untuk merawat jangkitan fungus di sebuah klinik haiwan swasta. Beliau maklum kucingnya mengalami jangkitan ini, tetapi kecewa kerana doktor tidak memberi ubat sebetulnya untuk merawat jangkitan itu.

“Kesannya, fungus itu merebak ke bahagian lain, menyebabkan kucing itu mengalami kegatalan dan keguguran bulu badan selama tiga minggu,” kata Dr Zul yang ketika itu memelihara lapan ekor kucing. Hanya selepas tiga kali berkunjung ke klinik itu, baru doktor memberi ubat betul.

Episod ini menjadi titik tolak buat Dr Zul yang mengambil keputusan untuk segera melakukan sesuatu. Beliau mengambil keputusan beroperasi dari rumah dan pada masa sama bekerja separuh masa dengan sebuah syarikat swasta pada waktu malam untuk beberapa bulan.

Menggunakan Facebook dengan slogan ‘Tanya Sama Vet’, Dr

Keseluruhannya, 13 kakitangan bertugas di kedua-dua klinik beliau di Seri Kembangan dan Shah Alam. Secara puratanya, beliau merawat antara 70 hingga 100 ekor kucing sehari.

“Alhamdulillah, sambutan orang awam sangat menggalakkan,” kata Dr Zul yang juga muncul dalam sebuah segmen 15 minit ‘Dr Meow’ dalam rancangan bual bicara pagi di TV9, ‘Nasi Lemak Kopi O’.

Dr Zul berkata, penerbit Nasi Lemak Kopi O memberi masa untuk beliau ke udara setiap hari Ahad dari Januari sehingga Disember tahun ini dalam rancangan itu bermula jam 8 pagi hingga 10 pagi.

Sejak kemunculan beliau, rating untuk slot Dr Meow meningkat. Menurut Dr Zul, peningkatan itu disebabkan pendekatan yang beliau ambil dalam membicarakan topik kucing dengan memudahkan pemahaman, termasuk tidak menggunakan jargon bagi memastikan ia benar-benar difahami penonton.

Setakat ini, menurut beliau, maklum balas penonton, khususnya peminat kucing, adalah positif. Satu daripada topik yang beliau bincangkan adalah tekanan. Seperti manusia, sesetengah haiwan secara tabiinya cenderung mengalami tekanan dan ada yang terpaksa menangani trauma silam.

Kucing seperti ini memerlukan bantuan ‘doktor haiwan berjiwa besar’ seperti Dr Zul yang menggabungkan kemahiran dengan minat terhadap kucing bagi menangani masalah kucing yang berada dalam tekanan.

“Sebenarnya, kucing mengalami tekanan emosi dan ia sesuatu yang perlu diambil serius,” kata Dr Zul. - BERNAMA